



PERGAS

جَمْعِيَّةُ الْعُلَمَاءِ وَوُجَدَةِ السُّلْطَانِ الْإِسْلَامِيِّ بِسِنْغَاپُورَة

PERSATUAN ULAMA DAN GURU-GURU AGAMA ISLAM (SINGAPURA)
SINGAPORE ISLAMIC SCHOLARS & RELIGIOUS TEACHERS ASSOCIATION

3 April 2017

PANDUAN AGAMA DALAM MENDOAKAN TERHADAP PENGANUT AGAMA LAIN

Doa merupakan wasilah bagi meminta bantuan dan pertolongan dari Allah bagi segala perkara dan tindakan, ini termasuklah dalam mengharapkan kejayaan dan keamanan bagi kehidupan di dunia dan hari akhirat.

2 Doa juga merupakan satu ibadah yang sangat digalakkan dalam agama. Umat Islam bukan sahaja boleh mendoakan untuk diri sendiri dan umat Islam, tetapi juga diharuskan berdoa bagi kebaikan dan kesejahteraan warga yang lain termasuk mereka yang berlainan agama.

Pandangan Agama Dalam Mendoakan Golongan Berlainan Agama

3 Secara dasarnya Islam melarang mendoakan keburukan terhadap sesama insan, tidak kira mereka tersebut dari kalangan yang beragama Islam ataupun dari penganut agama lain. Antara dalil dan hujah utama pendapat ini adalah pada hadis berikut:

Dari Abu Hurairah r.a. berkata: Dikatakan kepada Rasulullah ﷺ: “Wahai Rasulullah, doakanlah (Yakni kecelakaan dan keburukan) ke atas orang-orang musyrik itu. Maka Rasulullah ﷺ bersabda: “Sesungguhnya aku tidak diutus sebagai pencaci, tetapi sebaliknya aku diutus sebagai pembawa rahmat.” (Muslim)

4 Maksud hadis ini bertepatan dengan tujuan Allah ﷻ mengutuskan Baginda Rasulullah ﷺ sebagai rahmat bagi sekalian alam. Firman Allah ﷻ:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Ertinya: “Tidaklah Kami mengutusmu, melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam” (Al-Anbiya’: 107)

5 Ayat ini menurut Imam Ibnu Kathir seorang ulama Tafsir, memberi maksud bahawa tujuan diutuskan Baginda Rasulullah ﷺ adalah sebagai rahmat bagi alam semesta, dan ini termasuklah golongan penganut agama lain dan tidak terhad terhadap umat Islam sahaja.

Tiada Permusuhan Antara Islam dan Agama-Agama Lain

6 Merujuk kepada keutamaan doa ini, umat Islam seharusnya mengambil contoh daripada Al-Quran serta dari riwayat kehidupan Baginda ﷺ sebagai panduan dalam meminta pertolongan dan bantuan daripada Allah. Menurut sirah, Rasulullah ﷺ dan para sahabat secara berterusan diganggu oleh mereka yang memusuhi Islam pada masa itu, dan menjadi kebiasaan Baginda ﷺ meminta bantuan Allah ﷻ setiap kali Baginda dalam kesukaran.

7 Sikap Nabi s.a.w. yang bertegas untuk tidak bertindak balas dengan kekerasan kepada mereka yang memusuhi dan menzaliminya ini, merupakan kunci kepada kemuliaan pekerti kehidupan Baginda ﷺ.

8 Kunci kepada intipati ajaran Islam ialah sikap saling menghormati dan tidak menganjurkan sebarang permusuhan dengan penganut Yahudi, Kristian mahupun sebarang penganut agama lain. Bahkan antara rukun Iman dalam ajaran Islam ialah beriman kepada para Rasul, dan sebahagian dari para Rasul ini pula turut diakui oleh tradisi agama Yahudi dan Kristian.

9 Bukan itu sahaja, malah sebahagian daripada surah-surah Al-Quran juga dinamakan bersempena dengan para Rasul yang diakui oleh penganut Islam, Yahudi dan juga Kristian. Dengan itu, terdapat banyak sekali kesamaan yang dikongsi oleh ajaran yang diwarisi dari Nabi Ibrahim ini. Kisah dari umat terdahulu ini juga banyak sekali dihuraikan dalam Al-Quran, sementara tokoh-tokoh mereka pula dimuliakan dalam tradisi Islam.

Mendoakan Kemenangan Umat Islam Terhadap Mereka Yang Menzalimi

10 Pada masa yang sama, dibolehkan mendoakan kebinasaan terhadap insan lain dalam keadaan dizalimi dan dianiaya bagi membela dirinya. Firman Allah ﷻ:

﴿ لَا تُحِبُّ اللَّهُ الْجَهْرَ بِالسُّوءِ مِنَ الْقَوْلِ إِلَّا مَنْ ظَلِمَ ۚ وَكَانَ اللَّهُ سَمِيعًا عَلِيمًا ۝١٤٨﴾

Ertinya: “Allah tidak menyukai ucapan buruk, (yang diucapkan) dengan terang kecuali oleh orang yang dianiaya. Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.” (Al-Nisaa: 148)

11 Menurut Tafsir Ibnu Kathir, bahawa pendapat Ibnu ‘Abbas tentang ayat ini, ia memberi maksud bahawa Allah tidak suka seseorang mendoakan keburukan untuk selainnya, kecuali dalam keadaan dizalimi. Namun jika bersabar, maka itu lebih baik baginya. Antara contoh dizalimi ialah mereka melakukan pelampauan terhadap orang lain atau keterlaluan di dalam membuat kerosakan.

12 Dengan itu jelas di sini, bahawa mendoakan keburukan dan kebinasaan terhadap insan dengan tanpa sebab adalah dilarang dalam Islam, tidak kira sama ada yang didoakan itu merupakan penganut agama Islam ataupun penganut agama lain kecuali terhadap orang-orang yang menzalimi dan memusuhi Islam. Firman Allah ﷻ:

وَالْكَافِرُونَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Ertinya: Dan orang-orang yang kafir itulah orang-orang yang zalim.” (Al-Baqarah: 254)

13 Menjadi ajaran Al-Quran juga, seperti yang disebutkan oleh Ibnu Arabi dalam tafsirnya *Ahkam Al-Quran*, bahawa Islam tidak menjadikan perbezaan agama sebagai alasan untuk tidak menjalin hubungan kerjasama. Bahkan Al-Quran sama sekali tidak melarang seorang Muslim untuk berbuat baik dan saling tolong menolong dengan penganut agama lain selagi mana mereka tidak memerangi umat Islam atau mengusir kaum Muslimin dari negara mereka. Firman Allah ﷻ:

لَا يَنْهَىكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتُلُواكُم فِي الدِّينِ وَلَمْ تُخْرِجُواكُم مِّن دِيَارِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ
وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Ertinya: “Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tiada memerangimu kerana agama dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil.” (Al-Mumtahanah: 8)

14 Atas dasar itu, umat Islam diwajibkan dalam Al-Quran untuk memelihara rumah-rumah ibadah yang telah dibangunkan oleh orang-orang Yahudi, Nasrani dan pemeluk agama lain. Firman Allah:

وَلَوْلَا دَفَعُ اللَّهُ النَّاسَ بَعْضُهُمْ بَعْضًا هُدًى مِّن صَوَامِعٍ وَبِيَعٍ وَصَلَوَاتٍ وَمَسَاجِدٍ يُذَكَّرُ فِيهَا
أَسْمُ اللَّهِ كَثِيرًا وَلَيَنْصُرَنَّ اللَّهُ مَن يَنْصُرُهُ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ

Ertinya: “Dan sekiranya Allah tidak menolak (keganasan) sebagian manusia dengan sebagian yang lain, tentulah telah dirobohkan biara-biara Nasrani, gereja-gereja, rumah-rumah ibadah orang Yahudi dan masjid-masjid, yang di dalamnya banyak disebut nama Allah. Sesungguhnya Allah pasti menolong orang yang menolong

(agama)-Nya. Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Kuat lagi Maha Perkasa.” (Al-Haj: 40)

15 Menurut Imam Al-Qurtubi, ayat ini bermaksud mendokong pendapat yang melarang merobohkan atau menjual gereja-gereja atau rumah-rumah ibadat agama lain. Ini kerana ajaran Islam memberi kebebasan beragama kepada setiap anggota masyarakatnya, serta menjadi kewajipan setiap umat Islam untuk ikut memelihara kebebasan dan ketenangan umat lain dalam ajaran agamanya. Umat Islam juga tidak boleh mengganggu penganut agama lain, dan bahkan umat Islam digesa mengambil langkah agar teman dan jiran-jiran mereka termasuk penganut agama lain tidak diganggu oleh sesiapa pun.

16 Kumpulan Keyakinan Antara Kaum dan Agama (IRCC) merupakan satu contoh inisiatif pemerintah yang sangat baik dalam berusaha menggalak kepada kehidupan yang harmoni antara kaum dan agama di Singapura.

17 Kami juga maklum dan menghormati keputusan mahkamah terhadap imam tersebut baru-baru ini. Kami juga yakin keputusan ini berdasarkan pertimbangan bahawa imam tersebut mengakui bahawa sebahagian daripada doa yang dibaca bukan berasal daripada ayat Al-Quran dan bukan satu kemestian dalam doa, beliau juga telah melahirkan rasa kesal serta kemaafan bagi perkara ini. Pergas juga memaklumi bahawa peristiwa yang berlaku baru-baru ini boleh menimbulkan rasa tidak selesa, selain salah faham di kalangan penganut agama lain khususnya mereka yang beragama Yahudi dan Kristian.

18 Pada masa yang sama, terdapat ayat-ayat Al-Quran yang mendoakan kemenangan terhadap mereka yang membuat kezaliman dan penindasan. Bagi doa yang bukan bersumber daripada Al-Quran dan Hadis, kita tidak dimestikan untuk mengkhususkan mana-mana agama pada doa ini seperti mendoakan terhadap agama Yahudi dan Kristian. Dengan itu bagi setiap imam dan pendakwah, penggunaan doa seperti ini mesti disertai dengan kefahaman yang betul bagi mengelakkan salah faham yang mungkin berlaku.

Larangan Mengintip dengan Tujuan Kerosakan dan Memecahbelahkan Masyarakat

19 Menjadi tanggungjawab seorang Muslim untuk bersikap tekun dan memberi tumpuan dalam mendengarkan khutbah Jumaat yang disampaikan, selain dilarang daripada menyibukkan diri dengan hal-hal yang boleh memalingkan konsentrasinya daripada mendengarkan khutbah. Bahkan menyeru teman untuk berdiam bagi mendengarkan khutbah juga boleh merosakkan pahala Jumaatnya. Sabda Rasulullah ﷺ yang bermaksud:

“Jika kamu berkata kepada temanmu, “Diamlah” sementara imam sedang berkhotbah di hari jumat, sungguh ia telah berbuat sia-sia.” (Bukhari dan Muslim)

20 Selain itu, menjadi tanggungjawab seorang Muslim terhadap sesama Muslim yang lain untuk saling bantu membantu dalam perkara kebaikan dan ketakwaan, serta mengelakkan sebarang prasangka di antara satu dengan yang lain. Firman Allah ﷻ:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اجْتَنِبُوْا كَثِيْرًا مِّنَ الظَّنِّ اِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ اِثْمٌ وَّلَا تَجَسَّسُوْا وَّلَا يَغْتَبِ بَّعْضُكُمۡ بَعْضًا اَتُحِبُّ اَحَدُكُمْ اَنْ يَّاْكُلَ لَحْمَ اَخِيْهِ مَيِّتًا فَكَرِهَتْهُمُوْهُ وَاَتَّقُوا اللّٰهَ اِنَّ اللّٰهَ

تَوَابٌ رَّحِيْمٌ

Ertinya: “Wahai orang-orang yang beriman. Jauhilah kebanyakan dari sangkaan, kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? Maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. Dan bertakwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah Penerima Taubat, lagi Maha Mengasihani.” (Al-Hujurat: 12)

21 Daripada ayat ini, jelas disebutkan tentang larangan bersangka buruk, mengintip serta mencari kesalahan dan keaiban orang lain. Menurut majoriti ulama seperti yang disebutkan di dalam Tafsir Al-Qurtubi, berpendapat bahawa memiliki prasangka buruk terhadap orang yang mempunyai zahir yang baik adalah dilarang.

22 Larangan ini juga disokong oleh hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. yang bermaksud: “Janganlah kamu berprasangka, kerana sesungguhnya prasangka adalah perkataan yang paling dusta. Janganlah kamu saling mengintip kesilapan orang lain dan janganlah kamu saling mencari kesalahan orang lain, dan jangan saling membenci. Dan jadilah hamba-hamba Allah yang bersaudara.” (Bukhari)

23 Larangan ini disebabkan apabila seorang itu berprasangka, ia akan membawa kepada kecurigaan dan akan terus berusaha untuk mencari tahu dan akhirnya membawa kepada perbuatan mengintip. Ia menjadi lebih buruk apabila sangkaan itu ditujukan terhadap seorang tokoh agama yang menggunakan teks agama bagi tujuan ibadah.

Panduan Agama Dalam Perintah Melakukan Kebaikan Dan Mencegah Kemungkaran

24 Dalam perintah melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran hendaklah disampaikan dengan penuh bijaksana dan hikmah. Firman Allah ﷻ:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۗ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ
أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Ertinya: “Serulah kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan contoh yang baik, dan bantahlah mereka dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.” (Al-Nahl: 125)

25 Pada masa yang sama, mencegah kemungkaran dengan cara yang tidak berhemah seperti penyebaran video melalui wadah media sosial merupakan tindakan yang tidak bertanggungjawab dan boleh memecah belahkan masyarakat Islam dan penganut agama lain. Lebih-lebih lagi, sebaran tersebut melibatkan ibadah agama yang memerlukan kefahaman teks yang mendalam dan panduan tokoh agama kepada masyarakat umum.

26 Islam sebagai agama yang penuh dengan nilai rahmah dan ihsan amat menitikberatkan hubungan baik dan mesra antara sesama insan tidak kira Islam atau penganut agama lain. Dengan itu, dalam berdepan dengan mana-mana individu yang pernah melakukan kesilapan hendaklah ditegur mereka ini dengan hikmah lagi bijaksana. Dampingilah mereka dan usah disingkirkan mereka ini.

27 Pergas ingin menyeru kepada masyarakat Islam apabila berdepan dengan dakyah yang tidak menepati ajaran Islam atau isu yang melibatkan keperluan kepada panduan keagamaan, hendaklah merujuk sama ada kepada Pergas ataupun Majlis Ugama Islam Singapura (Muis). Masyarakat Islam juga seharusnya memastikan para guru agama yang mereka pelajari mempunyai sijil pengiktirafan asatizah (ARS).

Kesimpulan

28 Pergas sebagai persatuan yang mewakili para ulama dan asatizah akan terus menyebarkan kefahaman Islam yang sebenar. Pergas, Muis dan juga Kumpulan Rehabilitasi Keagamaan (RRG) berharap untuk terus berkongsi keindahan ajaran Islam sesuai dengan konteks di negara kita di sini.

29 Kami juga menggesa warga Singapura dari segenap masyarakat untuk sama-sama berusaha dalam mengekalkan kehormatan dan toleransi antara satu sama lain.

30 Semoga Allah ﷻ memberikan negara kita keamanan, ketenteraman dan keharmonian dalam kehidupan berbilang bangsa dan agama serta dijauhkan daripada fitnah yang boleh memecah belahkan masyarakat dan negara.

PERSATUAN ULAMA DAN GURU-GURU AGAMA ISLAM (SINGAPURA)